

22 JUL 2000

Samy-Segadevan

SAMY VELLU KECEWA KELUARGA SAGADEVAN PERTIKAI KEIKHLASAN MIC

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berasa kesal kerana keluarga mendiang Sarjan S.Segadevan yang terbunuh dalam kejadian di Sauk mempertikaikan keikhlasan parti itu dan masyarakat India untuk membantu mereka.

Beliau mengulas kenyataan S. Supramaniam, seorang sepupu Segadevan, yang dilaporkan berkata semua janji untuk memberi bantuan kepada keluarga itu akan luput mengikut masa dan mereka tidak akan memperolehi bantuan seperti yang dijanjikan.

Samy Vellu kesal kerana keluarga Sagadevan tidak menaruh kepercayaan kepada usaha yang dibuat oleh MIC dan pihak lain, dan keluarga tersebut bertindak menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan senarai nama pihak-pihak yang telah berjanji untuk membantu keluarga tersebut.

Surut itu bertujuan meminta Perdana Menteri memantau semua bantuan itu disalurkan seperti yang dijanjikan.

Dr Mahathir melawat keluarga Sagadevan di Kuala Kangsar Khamis lepas.

Anggota polis itu terbunuh samasa menjadi tahanan kumpulan Al-Ma'unah di Sauk, selepas kumpulan itu merompak senjata api daripada dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai lepas.

"Saya tidak akan meneruskan usaha yang sedang dilakukan kerana mereka kini sudah bertindak sendiri...Saya tidak berminat. MIC tidak pernah mengabaikan janji yang dibuat," katanya kepada pemberita di sini.

"Buat masa ini kami (MIC) akan lakukan setakat mana yang boleh dan mungkin satu tabung akan diwujudkan. Biarkan tabung itu yang salurkan bantuan yang diterima," katanya.

-- BERNAMA

FA RI